
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMK 221 – Fiksyen Melayu Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan kesemuanya.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-



Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Jelaskan maksud kedua-dua metafora yang sering digunakan dalam Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* karya Anwar Ridhwan iaitu “pucuk pujangga songsang” dan “jala tali terap” yang begitu asyik dicari oleh Pak Hassan. Hujahkan mengapa novel ini dapat dibaca sebagai satu renungan penuh nostalgia atas satu seni yang hampir luput.
(25 markah)
2. Bincangkan peranan dan sumbangan Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Mohamad dalam perkembangan cerpen Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
(25 markah)
3. Buat satu analisis yang kritis tentang struktur plot dalam novel *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* karya Ahmad Kotot.
4. Novel *Langit Petang* karya A. Samad Said mengisahkan pergolakan dan keresahan jiwa watak-wataknya dalam mencari matlamat hidup. Bincangkan.
(25 markah)
5. Abdul Talib Mohd Hassan menerusi novel *Saga* berhasil memperlihatkan kemampuannya melukis persoalan watak-watak dari segi psikologi. Buat satu penelitian untuk menghuraikan watak Rahmat sebagai watak utama menerusi analisis psikologi.
(25 markah)
6. Sejauh manakah pengalaman masa lalu watak Nurbaya dalam cerpen ‘*Merajut Sengketa*’ telah melahirkan konflik batin yang menyebabkan Nurbaya hilang keyakinan terhadap anaknya Artiah ?
(25 markah)

- ooo O ooo -